

Cabul rakan dalam tandas

Metro 28/6/12
MS 8.

10 pelajar lelaki ugut perkosa dua mangsa jika cerita kejadian

>>Oleh Muhaamad Hafis Nawawi

mhafis@hmetro.com.my

GOMBAK: Sepuluh pelajar lelaki tingkatan dua bertindak rakus apabila mencero boh tandas wanita sekolah mereka, dekat sini sebelum mencabul dua rakan sekelas secara bergilir-gilir, selain mengugut akan merogol mangsa jika menceritakan kejadian itu kepada orang lain.

Walaupun kedua-dua mangsa berusia 14 tahun sudah mengunci pintu tandas dan bersembunyi di dalamnya, kumpulan pelajar ganas terbabit nekad memanjat

dinding tandas sebelum masuk dan mencabul mangsa.

Kejadian itu berlaku kira-kira jam 6 petang 19 Jun lalu, namun ia tidak berakhir di situ saja kerana selepas itu mereka terus mengganggu kedua-dua mangsa malah turut diugut supaya tidak membocorkan rahsia perbuatan mereka atau akan dirogol.

Tidak tahan dengan gangguan dan ugutan yang diterima, seorang daripada mangsa nekad membuat laporan di Balai Polis Rawang, kelmarin.

Menurut sumber, sebelum kejadian kedua-dua mangsa masuk ke dalam tandas sekolah mereka sebelum ter-

dingar bunyi bising di luar.

“Tidak lama kemudian semua suspek yang sebaya dengan mangsa mencero boh masuk ke dalam tandas itu. Melihat kehadiran mereka, kedua-dua mangsa menjerit sebelum masing-masing berlari masuk ke dalam bilik air.

“Mangsa mengunci pintu dan menyuruh suspek beredar namun suspek hanya dikatakan ketawa, malah menendang pintu tandas beberapa kali sambil menyuruh mangsa keluar,” katanya.

Menurutnya, berang mangsa tidak mematuhi arahan mereka, seorang demi seorang suspek nekad me-

manjat dinding dan masuk ke dalam tandas sebelum meraba badan serta mencium badan mangsa.

Sumber berkata, insiden itu berlarutan hampir setengah jam apabila kerana semua 10 suspek melakukan perbuatan itu secara bergilir-gilir.

“Apabila suspek masih terus mengganggu dan mengugut mangsa selepas kejadian itu, seorang daripada mangsa memberanikan diri membuat laporan polis,” katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten Komisioner Abdul Rahim Abdullah mengesahkan menerima laporan dan siasatan lanjut sedang dijalankan.